

CONTEMPORARY COMMUNICATION GAZETTE

OFFSTONE

Jun 2021 | Third Edition | Faculty of Leadership and Management

**Choosing to be Relevant
in the Pandemic Era**

**Pilih Bahagia
Semasa Pandemik COVID-19**

**Fake news in Free Speech
and Hate Speech**

الاحتلال الإسرائيلي تاريخ من الانتهاكات بحق الصحافة

EISSN 2710-6624



9 772710 662007

EDITOR'S NOTE

Alhamdulillah, we manage to be with all of you again for the third edition of the *Offstone* magazine! Indeed, we are very glad to be able to “meet” our online readers again here in this space.

In this edition, we have sixteen (16) semi-academic articles written in three languages: Malay, English and Arabic, discussing topics relating to our theme for this edition; ‘Choosing to be Relevant in the Pandemic Era’. All nine Malay, four English, and three Arabic articles focused on different aspects in “being relevant” that relate to communication in the COVID-19 pandemic era. This also includes choosing relevant information to be shared with the audience to avoid misunderstanding and other harmful effects of miscommunication.

In the Malay language section, Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz and Dr. Rezki Perdani Sawai wrote about emotional management in using social media in the new norms. The article entitled “*Pengurusan Emosi dalam Melayari Media Sosial Semasa Norma Baharu*” discusses some aspects of emotional management that are always associated with the importance of every one of us to be resilient in this unprecedented era. Other articles in the section discuss issues relating to the future of students due to the closing of schools, the digital revolution in teaching and learning, and the importance of creating a positive environment during this pandemic era.

In the English language section, Dr. Safiyyah Ahmad Sabri brings the issue of fake news and hate speech in the free speech world of communication. We all know the danger of fake news and hate speech, and it is very important for all of us to avoid these practices to worsen the pandemic we are currently facing. The highlight to share only relevant information is stressed in another article in the same section, reminding all of us to always be careful in our communication to ensure communication leads to a better life and not the other way round.

In the Arabic language section, discussion topics are wider and include highlighting the history of Israeli occupation and the violation of the rights of the press, written by Nael Ramadan Owda and Dr. Ihab Ahmed as it happened during the pandemic pressure.

With all articles brought to you in this edition, we hope readers will gain new insights pertaining to choose what is relevant in the pandemic era. We must have such awareness before “irrelevant communication” conquers human minds and actions and catalysing the worst to the future of human beings.

Thank you.

Dr. Siti Suriani Othman
Chief Editor of Offstone

OFFSTONE BULLETIN EDITORIAL ADVISORY BOARD

ADVISOR

Prof. Dr. Mohd. Yahya Mohamed Ariffin

INTERNATIONAL ADVISORY BOARD MEMBERS

Prof. Dr. Faridah Ibrahim
Profesor/Dean
Art, Communication and Education Faculty,
Infrastructure University Kuala Lumpur, Malaysia

Prof. H. Andi Faisal Bakti
Profesor
Faculty of Da'wah and Communication Studies,
UIN Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia

Prof. Dr. Deddy Mulyana
Profesor
Faculty of Communication Studies,
Univertiatas Padjajaran, Indonesia

Professor Dr. Md Sidin Ahmad Ishak
Profesor
Department of Communication,
Universiti of Malaya, Malaysia

Dr. Hamdani M. Syam
Senior Lecturer
Department of Communication,
FSD Universitas Syiah Kuala

OFFSTONE BULLETIN EDITORIAL BOARD

Chief Editor

Dr. Siti Suriani Othman

Managing Editor

Dr. Eizan Azira Mat Sharif

Bahasa Melayu Editor

Dr. Rosidayu Sabran

Dr. Kartini Kamaruzzaman

Muhammad Zaki Mustafa

English Language Editor

Dr. Sofia Hayati Yusoff

Dr Rosninawati Hussin

Dr. Safiyyah Ahmad Sabri

Arabic Language Editor

Associate Professor Dr. Osama Kanaker

Dr. Ihab Ahmed Ra'uf Awais

Dr. Wesam A.M. Almahallawi

Designer

Al Imran Azmi

CONTENTS

Editor's Note	i
Offstone Bulletin Editorial Advisory Board	ii
Offstone Bulletin Editorial Board	iii

OFFSTONE ARTICLES (BAHASA MELAYU)

Pengurusan Emosi dalam Melayari Media Sosial Semasa Norma Baharu <i>Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz & Dr. Rezki Perdani Sawai</i>	1-4
Manusia dan Ilmu: Saranan Dalam Mencari Kebenaran Melalui Komunikasi Ayat-ayat Suci al-Quran <i>Dr. Latifah Binti Abdul Latiff</i>	5-8
Media Memelihara Industri Kreatif Melalui Undang-Undang Harta Intelek <i>Dr. Haliza A. Shukor</i>	9-12
Revolusi Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran <i>Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz</i>	13-16
Dilema Pendermaan Organ Semasa Pandemik Covid-19 <i>Selvarani P. Kovil Pillai, Dr. Nur Kareelawati Abd Karim & Dr. Rosidayu Sabran</i>	17-19
Wujudnya Persekutaran Positif untuk Kekal Relevan dalam Era Pandemik <i>Dr. Kartini Kamaruzzaman</i>	20-22
Kempen Kerajaan dalam Menentang Covid-19 di Malaysia <i>Muhamad Zaki Mustafa</i>	23-25
Pilih Bahagia Semasa Covid-19 <i>Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz</i>	24-29
Masa Depan Pelajar Akibat Penutupan Sekolah di Musim Covid-19 <i>Dr. Zalika Adam</i>	30-32

OFFSTONE ARTICLES (ENGLISH)

Share Relevant Information Only: Muslims Must Avoid Involving in Prolonged Slander or Defamation <i>Dr. Siti Suriani Othman</i>	33-35
Fake News in Free Speech and Hate Speech <i>Dr. Safiyyah Ahmad Sabri</i>	36-38
Elaboration Likelihood Model (ELM) and Islamic Advertising Perspectives <i>Syazwani Mabsai Khan</i>	39-41
Boosting Confidence of Japanese Muslim Youth Through Intercultural Exposure <i>Jamilah Samian & Dr. Nur Kareelawati Abd Karim</i>	42-44

OFFSTONE ARTICLES (ARABIC)

الاحتلال الإسرائيلي تاريخ من الانتهاكات بحق الصحافة <i>Nael Ramadan Owda & Ihab Ahmed Awais</i>	45-47
هل تقضي خاصية البث المباشر عبر الفيس بوك على مشاهدة التلفزيون؟ <i>Hamsa Alnaffar & Ihab Awais</i>	48-50
مستقبل الإعلام التقليدي العالمي في مواجهة الموارد المالية المتاحة <i>Amal Alhelian & Ihab Ahmed Awais</i>	50-53

PENGURUSAN EMOSI DALAM MELAYARI MEDIA SOSIAL SEMASA NORMA BAHARU

Oleh:



Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz & Dr. Rezki Perdani Sawai
rashid@usim.edu.my

Abdul Rashid Abdul Aziz berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kepakaran beliau adalah dalam bidang kaunseling, psikologi positif, kesejahteraan & kesihatan mental. Beliau telah menghasilkan pelbagai penulisan termasuklah artikel dalam jurnal berwacana, prosiding akademik, buku akademik, bab dalam buku dan lain-lain.

ABSTRACT

This article explores emotional regulation which is related to social media activities during Movement Control Orders (MCO). The aspects of emotional management are discussed further because the ability to manage emotions is important for individuals to be resilient to any content in social media that can affect personal well-being.

Pengenalan

Internet dan media sosial pada masa kini dilihat sebagai satu platform golongan muda untuk berinteraksi. Menerusi perbualan ‘chatting’, e-mel, sms, *blogging* dan media sosial, kini ia menjadi medium yang memudahkan pengguna untuk berkomunikasi tanpa perlu bersua muka. Natijahnya, ada pelayar internet yang lebih cenderung untuk menyendiri dan enggan berkomunikasi secara bersemuka kerana keperluan untuk berinteraksi dipenuhi oleh internet. Keadaan ini semakin buruk semasa pandemik COVID-19 dengan jumlah individu yang menggunakan saluran ini bertambah sehingga mengundang kebejatan sosial apabila disalahgunakan untuk agenda tertentu seperti fitnah, memecah-belahkan perpaduan kaum dan menghina agama hingga mencetuskan kemarahan awam. Bahkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia mendapati sebanyak 3,407 akaun media sosial palsu yang digunakan untuk penyebaran mesej ekstremis, kebencian, fitnah, berita palsu dan sebagainya pada 2019 dan terus meningkat hingga kini. Justeru, sekiranya media sosial digunakan oleh individu yang tidak bertanggungjawab pastinya akan berlaku penipuan, fitnah,

khabar angin, ancaman dan pelbagai tingkah laku berbahaya yang termasuk dalam kategori gangguan siber sehingga menimbulkan keresahan dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu, kebanyakan individu memilih media sosial sebagai wadah untuk membantu mereka mengendalikan sesuatu emosi, situasi atau peristiwa yang negatif. Media sosial menyediakan penyimpangan sementara (*temporary distraction*) daripada masalah yang sedang berlaku terutamanya semasa pandemik COVID-19. Perintah kawalan pergerakan (PKP) menyebabkan setiap individu menghabiskan masa di rumah tanpa sebarang aktiviti sehingga menjadikan media sosial sebagai platform untuk melarikan diri (*escapism*) daripada kebosanan.

Regulasi Emosi Mencetus Kestabilan Psikologi

Manusia sanggup melakukan apa sahaja untuk membebaskan diri daripada tekanan hidup seperti pergi melancong, membeli-belah, beriadah di pantai, bersosial dengan rakan dan melakukan aktiviti yang disukai. Namun begitu, dalam tempoh pelaksanaan PKP dan norma baharu ini, aktiviti setiap individu adalah terbatas. Golongan muda dan belia yang sinonim dengan aktiviti sosial di luar juga menghadapi cabaran apabila perintah PKP dilaksanakan. Selain sindrom *cabin fever* atau istilah ‘demam terperuk’ di rumah ini, terdapat pelbagai masalah lain yang mengganggu kestabilan psikologi seperti kebimbangan, takut, panik, kemurungan dan banyak lagi. Justeru, perkara ini boleh memberi tekanan kepada individu yang terlibat sehingga mencetuskan emosi negatif. Emosi negatif ini sekiranya tidak diurus dengan baik akan membawa implikasi yang lebih buruk dan parah.

Pengurusan emosi melibatkan aspek regulasi atau kawalan emosi. Regulasi emosi secara asasnya berhubung kait dengan elemen yang mempengaruhi emosi yang sedang dialami oleh seseorang, bagaimana untuk mengekspresikan emosi tersebut dan mengawalnya, manakala definisi regulasi emosi yang diberikan oleh Thompson iaitu seorang ahli psikologi pula adalah proses ekstrinsik (luaran) dan intrinsik (dalaman) yang bertanggungjawab untuk memantau, menilai, dan mengubah reaksi emosi bagi mencapai matlamat seseorang. Berdasarkan definisi ini dapat difahami bahawa apabila emosi muncul, individu menggunakan pelbagai strategi untuk mengawal emosi tersebut.

Penggunaan media sosial didapati dipengaruhi oleh ekspresi emosi. Kajian terdahulu yang dijalankan mendapati bahawa mereka yang cenderung untuk berkongsi tentang perasaan yang mereka sedang alami, tidak kira sama ada melalui hantaran mereka sendiri atau komentar terhadap hantaran orang lain adalah lebih cenderung untuk menghabiskan lebih banyak masa melayari internet dan menggunakan lebih banyak platform untuk

mengemas kini status mereka di media sosial. Pernyataan ini konsisten dengan tanggapan bahawa generasi Z (Gen Z) yang terdiri daripada golongan muda pada hari ini menggunakan media sosial untuk melepaskan emosi mereka. Oleh yang demikian, keupayaan regulasi emosi atau kemahiran menguruskan emosi amat penting bagi membantu individu berdaya tindak terhadap sebarang masalah yang dihadapinya. Kegagalan meregulasi emosi boleh menyebabkan kemurungan dan menimbulkan keresahan dalam kalangan pengguna media sosial.

Terdapat pelbagai cara yang boleh dilakukan oleh individu untuk mengurus emosi mereka berdasarkan tahap *intrapersonal*, *interpersonal* dan *hiperpersonal*. Walau bagaimanapun, individu berbeza dalam penggunaan setiap strategi regulasi emosi. Keberkesanan setiap strategi juga berbeza mengikut individu. Strategi pertama pengurusan emosi intrapersonal antaranya ialah aktiviti meningkatkan kesedaran (*mindfulness*), penilaian semula kognitif (*cognitive reappraisal*), belas kasihan kepada diri sendiri (*self-compassion*) dan amalan kerohanian. Penilaian kognitif adalah strategi yang berlaku sebelum tindak balas emosi dihasilkan sepenuhnya.

Dengan menyusun semula situasi yang menimbulkan emosi secara berbeza, penilaian semula akan mengubah kesan emosi. Sebagai contoh, seseorang yang menilai situasi yang berlaku sebagai satu hikmah, akan lebih berasa tenang, kurang emosi negatif, meningkatkan penguasaan persekitaran, dan mempromosikan kesejahteraan psikologi. Belas kasihan diri pula merujuk kepada kecenderungan untuk bersikap prihatin dan memahami diri kita sendiri daripada mengkritik atau membuat penilaian yang keras. Belas kasihan diri bermaksud menerima hakikat bahawa kita tidak sempurna. Begitu juga, ketika keadaan kehidupan yang luar biasa sukar, terutamanya semasa pandemik berlaku, orang-orang yang mengasihani diri akan mengambil pendekatan hanya menerima apa yang berlaku dengan redha dan sabar. Amalan kerohanian seperti solat, zikir, mengaji amat membantu dalam mengurangkan tekanan sekaligus memberikan ketenangan emosi.

Selain itu, di peringkat *interpersonal*, individu perlu mencari sistem sokongan seperti rakan dan keluarga untuk mendapatkan sokongan emosi rakan kerana ia dapat mengurangkan tekanan sekali gus meningkatkan tahap kesihatan. Cara lain untuk kekal tenang adalah berkongsi perasaan di media sosial. Ia merupakan strategi pengurusan emosi di peringkat *hiperpersonal*. Namun demikian, ia boleh menimbulkan kesan yang buruk jika tidak dilakukan dengan berhati-hati. Sebaiknya, pilihlah untuk berkongsi maklumat yang berkualiti dan diperlukan saja bagi mengelakkan terdedah kepada komen negatif yang akhirnya mengganggu emosi.

Kesimpulan

Kebosanan yang dialami semasa PKP mempunyai hubungan dengan peningkatan penggunaan media sosial dalam kalangan pengguna. Terdapat pelbagai aktiviti lain yang boleh dilakukan semasa PKP selain melayari laman media sosial namun ia memerlukan kawalan kendiri dan regulasi emosi yang baik. Malah, regulasi emosi secara *intrapersonal* dilaporkan lebih efektif jika dibandingkan dengan *interpersonal* dan *hiperpersonal*. Justeru, aspek pengurusan emosi ini adalah amat penting bagi meningkatkan kesejahteraan emosi dan mengelakkan dari sebarang masalah psikopatologi seperti tekanan takut, kegelisahan, keletihan emosi dan kemurungan.

BIBLIOGRAFI

- Aziz, A.R.A., Sukor, N.M., & Ab Razak, N.H. (2020). Wabak Covid-19: Pengurusan Aspek Kesihatan Mental Semasa Norma Baharu. *International Journal of Social Science Research*, 2 (4), 156-174.
- Aziz, A.R.A, Shafie, A. A.H., Mohd Soffian Lee, U.H. & Raja Ashaari, R.N.S. (2020). Strategi Pembangunan Aspek Kesejahteraan Kendiri bagi Mendepani Tekanan Akademik Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5 (12), 16 - 30. Doi: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.594>.
- Shao R, Shi Z, Zhang D. (2021). Social Media and Emotional Burnout Regulation During the COVID-19 Pandemic: Multilevel Approach. *Journal of Medical Internet Research*. 23(3), e27015.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2019). *MCMC Tangkas Menangani Penyalahgunaan Media Sosial yang Menggugat Keharmonian antara Kaum dan Agama*. Capaian pada 10 Mac 2021 daripada <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-releases/mcmc-displays-agility-in-addressing-social-media-a>
- Thompson, R. A. (1994). Emotion regulation: A theme in search of definition. In N.A.Fox (Ed.), The development of emotion regulation and dysregulation: Biological and behavioral aspects. *Monographs of the Society for Research in Child Development*, 59, 25–52.

MANUSIA DAN ILMU: SARANAN DALAM MENCARI KEBENARAN MELALUI KOMUNIKASI AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN

Oleh:



Dr. Latifah Abdul Latiff

latifah@usim.edu.my

Penulis ialah pensyarah Pusat Pengajian Teras dan Program Dakwah dan Kepimpinan Islam, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau memperoleh ijazah doktor falsafah dari Universiti Malaya dalam bidang sejarah.

ABSTRACT

This article is about knowledge to revisit Imam al-Ghazali's concern about the four categories of people and their level of knowledge. There are many ways for human beings to acquire knowledge. However, the younger generation today is not aware of the importance of the knowledge that has been stressed by Islam. Therefore, this article tries to highlight Quranic verses as a way of Allah communicating the message to mankind about the importance of seeking knowledge by pondering and thinking of God's creations. The science of knowledge or epistemology is what past philosophers struggling at to seek the meaning of truth. It is evidenced that what is in between the sky and the earth is all proof of the greatness of Allah SWT. The role of Muslims is to analyze the Quranic verses which encourage them to research and ponder the universe to find the truth and meaning of life to fulfill their duties as servants and caliphs of Allah on the earth.

Pengenalan

Ilmu atau pengetahuan merupakan perkara penting dalam kehidupan manusia. Dengan ilmu, manusia dapat membezakan antara perkara yang benar dan salah. Manusia merupakan makhluk istimewa dengan daya intelek yang unik. Dalam masyarakat Greek orang yang cintakan ilmu digelar *philosophos*. Pythagoras merupakan orang terawal yang menggunakan istilah ini yang menggelar dirinya sebagai pencinta kebjaksanaan. Daripada istilah inilah lahirnya perkataan *philosophy* dan falsafah. Falsafah merupakan satu cabang ilmu yang luas. Falsafah dikaitkan dengan aktiviti berfikir secara kritikal, menyeluruh dan integral.

Imam al-Ghazali merupakan antara tokoh Islam terkenal dalam bidang falsafah. Beliau digelar *hujjatul Islam*. Nama sebenar beliau ialah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad

bin Ahmad al-Ghazali al-Tusi dari Khurasan, Iran. Beliau lebih dikenali sebagai al-Ghazali kerana dinisbahkan kepada pekerjaan bapanya seorang tukang tenun kain bulu iaitu *al-Ghazzal*. Dalam kitab *Mukhtashar Ihya 'Ulumuddin*, Imam al-Ghazali ada menyebut mengenai empat jenis manusia sebagaimana dikutip daripada al-Khalil bin Ahmad. Yang pertama merujuk kepada orang yang tahu dan dia tahu bahawa dia tahu. Kedua ialah orang yang tahu namun, dia tidak tahu yang dia tahu. Ketiga merujuk kepada orang yang tidak tahu dan dia tahu bahawa dia tidak tahu. Manakala yang keempat ialah orang yang tidak tahu dan dia tidak tahu yang dia tidak tahu.

Ada pun kategori pertama merujuk kepada orang berilmu atau alim. Kata Imam al-Ghazali ikutlah orang sebegini. Kategori kedua merujuk kepada orang yang tidur. Kata Imam al-Ghazali, sedarkanlah mereka. Kategori ketiga ialah mereka yang sedar tentang kekurangan diri maka ajarlah dan bimbangkan mereka. Manakala kategori keempat merujuk kepada orang bodoh, maka berwaspadalah terhadap orang sebegini.

Anjuran Islam dalam Mencari Ilmu dan Kebenaran Melalui Komunikasi Ayat-ayat Al-Quran

Islam merupakan agama syumul merangkumi segala aspek kehidupan manusia. Al-Quran menjadi panduan kepada manusia bagaimana seharusnya seorang Muslim menjalani kehidupannya daripada lahir sehingga mati. Al-Quran merupakan medium komunikasi antara Sang Pencipta dengan makhluk-Nya, manusia. Dengan akal manusia mampu memahami dan mencerap arahan, galakkan dan dorongan yang disampaikan melalui kalam suci. Melalui ayat-ayat suci ini Allah berkomunikasi dengan manusia tentang anjuran menuntut ilmu bagi mencari kebenaran sebagaimana termaktub dalam Surah al-Alaq:

“Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu Yang menciptakan (1), Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah (2) Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Maha Pemurah (3), Yang mengajar (manusia) dengan perantaraan kalam (4). Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya (5).”

Perintah membaca merupakan suruhan Allah SWT serta wujud penegasan iaitu membaca dengan menyebut nama Tuhan, iaitu Allah dengan sifat-Nya Maha Pencipta. Ayat keempat ‘al-kalam’ merujuk kepada firman atau ayat al-Quran yang menjadi alat atau medium bagi mengembangkan ilmu pengetahuan.

Terdapat ayat al-Quran yang menganjurkan kepada manusia untuk menghayati dan berfikir mengenai ciptaan alam kerana ia menjadi bukti kepada kekuasaan, kebijaksanaan

dan rahmat Allah kepada manusia. Dalam surah *al-Jathiyah*, ayat 3-6 dan 12-13 menyebut tentang tanda dan bukti kekuasaan Allah ke atas segala penciptaan yang ada di langit dan di bumi kepada orang yang beriman (mukminin), orang yang mempunyai keyakinan terhadap Allah dan mereka yang berfikir menggunakan akal agar menjadi hamba yang bersyukur.

٢ ﴿ لَآيَتٍ لِّلْمُؤْمِنِينَ ... ﴾

٤ ﴿ إِيَّا يٰ لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ... ﴾

٥ ﴿ إِيَّا يٰ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ... ﴾

١٢ ﴿ وَلَعَلَّكُمْ تَشَكُّرُونَ ... ﴾

١٣ ﴿ لَآيَتٍ لِّقَوْمٍ يَنْفَكِرُونَ ... ﴾

Dalam surah Ali-Imran ayat 190 dan 191, al-Quran turut menyebut mengenai orang yang berakal (ulul albab) iaitu manusia yang menggunakan intelek (akal) dengan ciri-ciri tertentu iaitu orang yang sentiasa mengingati Allah dan berfikir mengenai ciptaan Allah dalam apa jua keadaan sama ada ketika berdiri, duduk dan juga berbaring.

لَآيَتٍ لِّأُولَئِكَ الْمُبِينِ

Dalam konteks ilmu, orang yang tidak tahu dan dia tidak sedar kejahilan dirinya atau jahil murakab merupakan orang yang rugi. Lebih parah lagi sekiranya dia menganggap dirinya tahu sedangkan apa yang diketahuinya itu tidak benar atau salah. Orang sebegini sukar untuk merendah diri dalam menerima sesuatu ilmu atau kebenaran. Dalam falsafah ia termasuk dalam kesalahan berfikir atau falasi. Hujah atau bukti yang dikemukakan tidak atau belum mampu mengetuk minda sedar seseorang itu bagi mengubah pandangannya terhadap sesuatu perkara atau kebenaran. Mungkin juga kerana ego yang terlalu tinggi. Sebagai contoh dalam isu pengambilan imunisasi dan vaksinasi.

Konsep ilmu dalam Islam berbeza daripada konsep ilmu masyarakat dan tamadun lain kerana sumber ilmu datang daripada Allah SWT. Al-Quran dan hadis menjadi punca ilmu bagi orang Islam. Pencarian ilmu akan lebih bermakna sekiranya disandarkan kepada Allah SWT kerana hanya dengan ihsan dan kasih sayang Allah SWT sahaja manusia mampu menguasai sesuatu ilmu. Ini kerana pencarian ilmu tidak hanya bergantung pada intelek (akal rasional) dan kajian empirikal semata. Sesungguhnya Allah bercakap dengan manusia melalui perantaraan Al-Quran. Hanya manusia yang menggunakan akal, dekat denganNya serta mendapat hidayah-Nya sahaja yang mampu memahami rahsia al-Quran yang merupakan sumber ilmu.

Penutup

Allah berfirman dalam al-Quran “Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepadaKu” Az-Zariyat: 56. Perlu diingat bahawa Islam tidak menghalang pembangunan dan perkembangan sains dan teknologi malah Islam turut menggalakkan manusia memanfaatkan ilmu yang diperolehi hasil daripada pemerhatian manusia terhadap alam bagi kepentingan dan manfaat umat sejagat kerana manusia adalah hamba dan khalifah di muka bumi ini.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Latif Samian. (1993). *Pengenalan Falsafah dan Sejarah Sains*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman. (2005). *Wacana Falsafah Ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Idris Zakaria dan Ahmad Sunawari Long. (2013). Titik Temu Antara Falsafah dan Kehidupan Praktis. *International Journal of Islamic Thoughts*, 3, 37-38.
- Imam al-Ghazali. (2003). *Ringkasan Ihya' Ulumuddin*. Dalam Zaid Hessein al Hamid (Terj.), *Mukhtashar Ihya 'Ulumuddin*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

MEDIA MEMELIHARA INDUSTRI KREATIF MELALUI UNDANG-UNDANG HARTA INTELEK

Oleh:



Dr. Haliza A. Shukor

hliza@usim.edu.my

Penulis adalah pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan memperolehi ijazah Doktor Falsafah pada tahun 2019 dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau mengkhusus dalam bidang Undang-Undang Harta Intelek dan Undang-Undang Persaingan serta aktif dalam penulisan artikel untuk jurnal, persidangan dan penerbitan media.

ABSTRACT

In Malaysia, intellectual property has been highlighted by the National Creative Industry Policy as one of the issues and challenges faced by the creative industry. Hence, this article will focus its discussion on the role of intellectual property law in preserving the creative industry in Malaysia. In this article, the author will highlight what is meant by creative industry, government intervention in respect of the creative industry and, how intellectual property laws can help protect and preserve the creative industry.

Pengenalan

Industri kreatif merupakan industri yang menitikberatkan kreativiti manusia melalui hasil seni yang boleh menyumbang pada ekonomi negara. Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) yang merupakan badan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bertanggungjawab di peringkat antarabangsa dalam perkara berkaitan sains, pendidikan dan juga kebudayaan. Menurut UNESCO, kreativiti manusia menjadi sumber kepada industri kreatif dan kebudayaan yang juga menyebabkan ia berfungsi sebagai sumber industri kreatif. Selaras dengan pandangan UNESCO yang menjadikan kreativiti manusia sebagai sumber industri kreatif, DIKN juga menganggap industri-industri yang melibatkan keterampilan dan bakat

Di Malaysia, bagi tujuan memastikan hala tuju dan pembangunan industri kreatif terus relevan dan berkembang, Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) telah diwujudkan bagi memastikan Malaysia juga tidak ketinggalan dalam memartabatkan industri kreatif. Selaras dengan pandangan UNESCO yang menjadikan kreativiti manusia sebagai sumber industri kreatif, DIKN juga menganggap industri-industri yang melibatkan keterampilan dan bakat

serta yang mempunyai potensi menjana kekayaan dan mencipta peluang pekerjaan melalui penggalakan dan eksploitasi harta intelek juga tergolong dalam kelompok industri kreatif.

Selain itu, DIKN juga telah mengenalpasti tiga kelompok industri yang tergolong dalam industri kreatif iaitu, Industri Kreatif Multimedia, Industri Kreatif Seni Budaya dan Industri Kreatif Warisan Negara. Industri kreatif Multimedia terdiri daripada industri-industri yang mengaplikasikan kemajuan teknologi terkini bagi tujuan menghasilkan produk-produk kreatif seperti penerbitan filem dan televisyen, pengiklanan, seni reka dan animasi dan kandungan digital. Bagi industri kreatif dan seni budaya pula, ia merupakan karya seni yang memfokus pada karya seni yang mengandungi ciri budaya Malaysia seperti kraf, seni visual, seni muzik, seni persembahan, penulisan kreatif serta fesyen dan tekstil. Industri Kreatif Warisan Negara pula terdiri daripada industri yang berkait rapat dengan warisan budaya contohnya muzium, arkib, pemuliharaan dan pemuliharaan.

Menurut laporan media, industri kreatif mampu memberi keuntungan kepada negara dengan syarat karya seni yang berkualiti dapat dihasilkan. Oleh yang demikian, pelbagai isu dan cabaran harus didepani agar industri ini dapat menyumbang secara agresif dalam ekonomi negara. Salah satu isu dan cabaran yang dibangkitkan ialah kurangnya kesedaran di kalangan karyawan tentang kepentingan memelihara hak cipta sehingga menyebabkan pulangan sewajarnya tidak dapat diperolehi.

Industri Kreatif Menurut Perspektif Islam

Makmur dan Abdullah Yusof dalam Jurnal *Al-Tamaddun* pada 2009 mengupas pandangan Islam berkaitan kesenian yang menurut mereka dibenarkan selagi ianya tidak melampaui batas syariat. Hujahan mereka bersandarkan pada al-Quran yang mengandungi ayat-ayat suci, disusun dengan indah sehingga menjadikannya manifestasi keindahan sastera al-Quran. Menurut mereka, al-Quran memberikan isyarat berkaitan kesenian, salah satunya melalui firman Allah SWT dalam surah al-Qalam, ayat 1, yang bermaksud; “Nun, demi kalam dan apa yang mereka tulis.” Selain itu, terdapat tiga jenis kesenian yang diketengahkan oleh penulis iaitu, seni khat, seni bina dan juga seni kesusasteraan. Berdasarkan pada jenis kesenian tersebut, jelas dapat dilihat bahawa industri kreatif ini tergolong dalam ketiga-tiga kelompok tersebut.

Undang-Undang Harta Intelek dan Industri Kreatif

Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO) mentakrifkan harta intelek sebagai ciptaan minda yang terdiri daripada karya seni, penemuan, program komputer, cap dagangan dan tanda komersil manakala Khadijah dan Ahmad Shamsul dalam buku *Undang-Undang Harta Intelek*

di Malaysia berpandangan bahawa harta intelek merupakan harta yang berkait rapat dengan daya kreativiti seseorang yang tercetus daripada idea yang menghasilkan penemuan baru. Oleh yang demikian, undang-undang harta intelek pula boleh ditafsirkan sebagai peraturan yang bertujuan untuk menjaga hasil kreativiti yang wujud dari minda seseorang. Islam juga tidak melarang pemilikan harta intelek dan menghargai penciptanya selagi mana harta tersebut memberi manfaat dan diperolehi mengikut hukum yang dibenarkan.

Terdapat pelbagai jenis harta intelek seperti hak cipta, reka bentuk industri, paten dan cap dagangan. Namun begitu, undang-undang hak cipta merupakan undang-undang yang sangat terkait dengan industri kreatif kerana ia memberikan perlindungan undang-undang terhadap karya sastera dan seni daripada dieksplotasi tanpa kebenaran pencipta karya seperti cetak rompak, plagiat dan sebagainya. Melalui perlindungan undang-undang yang diberikan oleh hak cipta, pencipta karya diberikan hak eksklusif untuk mengawal karya mereka terutama sekali dalam memastikan karya tersebut dapat dieksploitasi dan memberi pulangan kewangan seperti royalti kepada pencipta karya. Dengan cara ini, inovasi dan industri kreatif dapat berkembang kerana undang-undang hak cipta berperanan sebagai insentif untuk karyawan terus berkarya dan mencipta karya baru kerana karya mereka dijamin perlindungannya di sisi undang-undang.

Sebagai panduan, WIPO pada tahun 2017 memperkenalkan empat langkah utama yang perlu diambil oleh karyawan bagi tujuan menguruskan karya seni mereka iaitu; (i) memahami hak sebagai pemilik asal karya (ii) memastikan langkah-langkah telah diambil untuk mengenalpasti pencipta karya (iii) merancang bagaimana harta intelek tersebut boleh dieksplotasi dan (iv) memahami tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku pelanggaran hak harta intelek.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah sekiranya industri kreatif berkait rapat dengan undang-undang harta intelek kerana kreativiti manusia yang menjadi sumber dalam industri kreatif juga merupakan teras utama dalam harta intelek. Undang-undang harta intelek merupakan nadi utama industri kreatif kerana undang-undang harta intelek berperanan membantu memberikan hak yang sewajarnya kepada karyawan dan seterusnya memastikan karyawan memperolehi pulangan hasil daripada eksploitasi karya mereka.

Intervensi Kerajaan dalam Industri Kreatif Malaysia

Memandangkan industri kreatif mempunyai potensi besar ke arah menyumbang ekonomi negara untuk tempoh jangka panjang, kerajaan telah menghulurkan pelbagai bantuan bagi membantu sektor ini terus berkembang. Umum juga mengetahui bahawa pandemik Covid-19

telah menyebabkan banyak sektor ekonomi terjejas dan turut tidak terkecuali ialah sektor industri kreatif. Oleh itu, kerajaan melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah mengambil langkah untuk membantu sektor tersebut terutama sekali bagi menyokong penyesuaian norma baru bagi sektor tersebut. Melalui PENJANA, RM30 juta geran diberikan untuk industri kreatif selain acara dan pameran di bawah *MyCreative Venture* dan RM35 juta Dana Kandungan Digital melalui Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) untuk membiayai projek sektor kreatif yang memfokus pada seni animasi dan visual. Selain itu, Kementerian Komunikasi dan Multimedia juga telah mengambil inisiatif memperkenalkan Pakej Rangsangan Industri Kreatif Malaysia (PRISMA) yang bersifat jangka pendek sebagai langkah untuk memastikan kelangsungan dan kelestarian penggiat seni terutama dalam tempoh pandemik Covid-19.

Penutup

Secara kesimpulannya, industri kreatif mempunyai potensi untuk menyumbang dalam sektor ekonomi negara, namun ia memerlukan sokongan yang padu dari kerajaan dan juga undang-undang sedia ada, iaitu undang-undang harta intelek secara amnya dan undang-undang hak cipta secara khususnya. Kempen berkaitan pembudayaan harta intelek dalam kalangan penggiat seni perlu dipertingkatkan agar karyawan dijamin haknya di sisi undang-undang.

BIBLIOGRAFI

- Khadijah Mohamed & Ahmad Shamsul Abd Aziz. (2005). Undang-Undang Harta Intelek di Malaysia, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Makmur & Abdullah Yusof. (2009). Isyarat dan Manifestasi Seni Dalam Al-Qur'an: Satu Sorotan. Jurnal Al-Tamaddun, 4 ,67 – 79.
- Malaysia: Dasar Industri Kreatif Negara. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Capaian pada 29 April 2021 di <https://www.kkmm.gov.my/pdf/Dasar/dikn.pdf>
- Malaysia: Booklet-PENJANA. Kementerian Kewangan. Capaian pada 28 April 2021, <https://penjana.treasury.gov.my/pdf/PENJANA-Booklet-Bm.pdf>.
- Paris: What Do We Mean by the Cultural and Creative Industries?. UNESCO. Capaian pada 28 April 2021, <https://en.unesco.org/creativity/sites>

REVOLUSI DIGITAL DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Oleh:



Abdul Rashid Abdul Aziz

rashid@usim.edu.my

Abdul Rashid Abdul Aziz berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kepakaran beliau adalah dalam bidang kaunseling, psikologi positif, kesejahteraan & kesihatan mental. Beliau telah menghasilkan pelbagai penulisan termasuklah artikel dalam jurnal berwacana, prosiding akademik, buku akademik, bab dalam buku dan lain-lain.

ABSTRACT

COVID-19 pandemics have changed the landscape of educational system in Malaysia. In addition, this paper also aims to analyze teaching and learning changes, scenario and impact particularly among students and educator.

Pengenalan

Pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia dan seluruh dunia dilihat seperti tiada kesudahan. Saban hari berlaku pertambahan kes jangkitan dan kematian yang disebabkan oleh COVID-19. Di Malaysia, statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menyatakan sehingga pertengahan April 2021 sebanyak 375 ribu rakyat Malaysia telah dijangkiti wabak COVID-19 dan seramai lebih kurang 1400 telah terkorban dan statistik ini terus meningkat. Umum mengetahui bahawa rentetan pandemik COVID-19 ini, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah diperkenalkan dan mengubah landskap cara hidup kebanyakan masyarakat di Malaysia. Pelbagai sektor termasuklah politik, ekonomi, sosial dan kesihatan telah dilihat terkesan dengan norma baharu ini. Malah, sektor pendidikan negara turut tidak terlepas dari impak COVID-19 ini, sama ada pendidikan di peringkat rendah, menengah maupun pengajian tinggi. Ianya telah mengubah cara dan sistem pengajaran dan pembelajaran konvensional sedia ada.

Perubahan Lanskap Pendidikan Negara

Kini, sistem pendidikan negara sedang mengalami transformasi iaitu setiap aktiviti pengajaran dan pembelajarannya (PdP) diintegrasi melalui kaedah secara bersemuka dan secara dalam

talian (*online*). Melalui, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), kerajaan telah menggariskan fokus, strategi utama, dan pelan pelaksanaan bagi menjadikan pendidikan negara relevan mengikut keperluan semasa dan masa hadapan. Ini dalam masa yang sama memastikan sistem pendidikan tinggi di Malaysia adalah antara yang terkemuka di dunia yang membolehkan Malaysia terus bersaing di peringkat global. Terdapat sepuluh Lonjakan membentuk asas bagi Pelan Pembangunan ini. Antaranya termasuklah pembelajaran sepanjang hayat dan pembelajaran dalam talian yang sangat relevan dalam situasi ketika ini. Dalam era Revolusi Industri 4.0 ini, setiap maklumat hanya di hujung jari, para pelajar dan tenaga pengajar seharusnya memanfaatkan teknologi ini untuk aplikasi pendidikan dalam talian. Konteks pendidikan masa kini memerlukan pelajar menguasai dan mempunyai literasi teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

Malah, agama Islam sendiri amat menggalakkan umatnya membudayakan ICT dalam melengkapi kehidupan seharian. Penguasaan ICT dapat memperkasakan individu dalam membentuk modal insan yang inovatif, kompetitif dan efektif. Kesemua elemen dan kualiti ini merupakan prasyarat penting kepada setiap pelajar untuk bersaing di persada global yang sangat mencabar ini. Allah SWT telah berfirman dalam surah at-Taubah, ayat 122 yang bermaksud:

“Tidak sepatutnya bagi mukminin itu pergi semuanya (ke medan perang), mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya”.

Dalam ayat ini, Allah SWT telah menekankan kepentingan menuntut ilmu dan mendapatkan pengetahuan kerana ia dapat menjaga dan memperbaiki kehidupan manusia. Oleh itu, setiap pelajar harus menggunakan sepenuhnya kemudahan ICT ini untuk mendapatkan ilmu dan mendalaminya. ICT merupakan gerbang ilmu tanpa sempadan yang harus diteroka bagi meningkatkan kemajuan diri dan pencapaian dalam semua bidang termasuklah pendidikan. Pandemik yang berlaku dilihat telah memacu lonjakan PdP secara dalam talian. Meskipun begitu, PdP secara dalam talian menjadikan tugas para pengajar dan pelajar semakin mencabar apabila mereka perlu menyesuaikan diri dengan norma kehidupan dan kebiasaan baharu ini.

Pembelajaran dalam talian kini dilihat bukan lagi sebagai satu pilihan tetapi suatu keperluan. Pelbagai aplikasi atau platform digital yang bersesuaian seperti *Microsoft team*,

Google Classroom, Whatsapp, Zoom, Webex, dan YouTube boleh digunakan sebagai alat bantu pengajaran. Menurut pandangan sarjana, kaedah PdP secara dalam talian ini merupakan norma baharu yang sememangnya menuntut kerjasama serta komitmen daripada semua pihak terutamanya melalui pengetahuan dan kemahiran berkaitan teknologi maklumat, penyediaan peranti digital dan akses capaian internet yang berkualiti serta penyediaan kaedah penilaian yang bersesuaian bagi mengukur pencapaian pelajar.

Penyesuaian kendiri merupakan salah satu perkara yang berkait rapat dengan perubahan dalam sistem pendidikan yang sedang berlaku. Hal ini kerana, manusia perlu beradaptasi bagi memastikan *survival* dalam anjakan sistem semasa norma baharu. Sekiranya individu gagal beradaptasi atau menyesuaikan diri, mereka akan ketinggalan dan menempuh cabaran dalam revolusi ini. Penyesuaian ini secara ringkasnya adalah bagaimana seseorang itu menyesuaikan dirinya melalui sikap, tingkah laku dan pemikiran terhadap perubahan yang berlaku. Selain itu, penyesuaian juga berhubungkait dengan faktor persekitaran yang berubah yang menyebabkan seseorang itu perlu menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut. Misalnya dalam sektor pendidikan melalui pembelajaran secara dalam talian (*online platform*) yang berlaku rentetan pandemik COVID-19. Natijahnya, individu perlu memperuntukkan masa yang lebih di rumah bagi sesi pembelajaran sekali gus mengolah dan membuat penyesuaian diri menerusi sumber yang mereka ada untuk memenuhi tuntutan persekitaran iaitu PdP secara dalam talian. Hal ini kerana, pembelajaran secara dalam talian juga memerlukan penyesuaian dengan persekitaran rumah sebagai ruang belajar, aktiviti riadah keluarga dan beristirehat hendaklah dilakukan mengikut peranan dan fungsinya dalam mencapai keperluan individu atau bersama.

Di samping itu, revolusi dalam PdP yang sedang berlaku ini perlu diurus dengan baik bagi memastikan kesejahteraan dan kesihatan individu sama ada pelajar mahupun tenaga pengajar sentiasa berada pada tahap yang optimum. Tekanan psikologi dan aspek kesihatan mata disebabkan pendedahan terhadap skrin dalam jangka masa lama juga perlu diambil kira dan ditangani dengan baik. Ini memandangkan, penggunaan skrin dalam tempoh yang lama boleh mendatangkan pelbagai implikasi termasuklah keradangan mata (*digital-eye strain & foreign body sensation*), masalah berkaitan postur badan yang membawa kepada pelbagai masalah psikologi seperti gangguan *mood*, emosi negatif, kebimbangan, tingkah laku langsang dan kemurungan pada akhirnya. Justeru, pelajar dan tenaga pengajar harus bijak mengawal penggunaan skrin dengan mengamalkan peraturan 20-20-20 iaitu berhenti seketika melihat skrin gajet selama 20 saat sambil memandang objek yang sejauh 20 kaki selepas setiap 20 minit penggunaan gajet. Selain itu, postur tubuh dan susun atur meja juga amat penting dalam memastikan keselesaan sewaktu menghadiri sesi PdP.

Penutup

Konklusinya, krisis COVID-19 yang wujud ini memaksa sistem pendidikan pada hari ini untuk melakukan perubahan yang drastik dalam mewujudkan persekitaran pendidikan yang berinovasi dan berteknologi tinggi. Tenaga pengajar dan pelajar harus memanfaatkan kecanggihan teknologi maklumat melalui pembelajaran secara maya ini untuk memantapkan diri dan melakukan improvisasi terhadap aktiviti PdP sedia ada agar sistem pendidikan yang lebih fleksibel dapat diwujudkan pada masa hadapan.

BIBLIOGRAFI

Situasi Terkini COCID-19 di Malaysia. (2021). Kementerian Kesihatan Malaysia. Dicapai pada 19 April 2020 daripada <http://covid-19.moh.gov.my/terkini>

Chung, E., Noor, N. M., & Mathew, V. N. 2020. Are You Ready? An Assessment of Online Learning Readiness among University Students. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 9(1), 301–317.

Lazarus, R. & Folkman, S. (1984) *Stress, Appraisal and Coping*, New York: Springer Publishing Company

Higgins, J. E. & Endler, N. (1995). Coping, Life Stress, and Psychological and Somatic Distress. *European Journal of Personality*, 9, 253-270.

Abdul Aziz, A. R., Shafie, A. A. H., Mohd Soffian Lee, U. H., & Raja Ashaari, R. N. S. (2020). Strategi Pembangunan Aspek Kesejahteraan Kendiri bagi Mendepani Tekanan Akademik Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 16 - 30. <https://doi.org/https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.594>

DILEMA PENDERMAAN ORGAN SEMASA PANDEMIK COVID-19

Oleh:



Selvarani P. Kovil Pillai, Dr. Nur Kareelawati Abd Karim & Dr. Rosidayu Sabran

rani@usim.edu.my

Penulis ialah pensyarah Program Komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau mendapat Ijazah Sarjana dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang Komunikasi Korporat dan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang Komunikasi Massa.

ABSTRACT

The COVID-19 pandemic has been a major challenge to organ donation and transplant programs in the country. Yet, it is undeniable that even before the pandemic, public awareness of this noble aspiration was not very encouraging. Based on statistics from the National Transplant Resource Center, the number of organ transplant for 2021 is only three cases, and number of pledged organ donors is 111, even though the number of patients who need transplants is 5,027 people. We must remember that efforts to increase the number of organ donors as well as organ donation campaigns should not be halted simply because of COVID-19, as the organ procurement process needs to continue in order to save lives of patients who are in dire needs for immediate organ transplants.

Pendahuluan

Pandemik COVID-19 telah menjadi cabaran besar terhadap program pendermaan organ dan transplan di negara ini. Namun tidak dapat dinafikan bahawa sebelum pandemik, kesedaran masyarakat terhadap hasrat murni ini tidak begitu menggalakkan. Berdasarkan perangkaan Pusat Sumber Transplan Nasional, bilangan kes pendermaan organ dan tisu bagi tahun 2021 adalah cuma tiga kes sahaja dan jumlah pengikrar penderma organ ialah 111 orang sehingga bulan Mac 2021. Angka tersebut sangat kecil dibandingkan dengan bilangan pesakit yang memerlukan transplan iaitu sebanyak 5,027 orang.

Persoalannya bukan sahaja cabaran untuk mendapatkan penderma organ, namun, proses pendermaan organ dan transplan juga menjadi lebih rumit sewaktu pandemik COVID-19. Sebelum pandemik COVID-19, perbincangan mengenai mati otak dan kematian merupakan isu sensitif and larangan dalam masyarakat akibat faktor budaya dan agama.

Sungguhpun pelbagai kempen dijalankan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai untuk berikrar menjadi penderma organ, kebanyakan mereka masih dibelenggu oleh seribu persoalan dan kegusaran yang menegah mereka untuk menjadi penderma organ. Adakalanya, terdapat kes yang anak telah berikrar untuk menjadi penderma organ tetapi apabila tiba masa untuk menderma, ibu bapa dan keluarga menjadi penghalang. Akhirnya, ikrar penderma organ terkubur buat selama-lamanya. Selain itu, terdapat banyak lagi halangan dan cabaran yang dihadapi oleh pihak yang terlibat dengan usaha pendermaan organ dan transplan negara.

Sungguhpun dunia masih bergelut dengan pandemik COVID-19, kita perlu ingat bahawa usaha menambahkan bilangan penderma organ serta kempen derma organ tidak boleh dihentikan semata-mata kerana COVID-19. Proses perolehan organ perlu diteruskan untuk menyelamatkan nyawa pesakit yang memerlukan pemindahan organ dengan segera. Justeru, pihak yang berkenaan perlu mengambil kira langkah-langkah yang sesuai agar proses pendermaan organ terus dilaksanakan tanpa halangan.

Langkah-langkah Proses Pendermaan Organ Semasa Pandemik COVID-19

Pertama, polisi melawat yang menegah keluarga untuk mendekati pesakit. Dalam kes pesakit mati otak, polisi sedemikian perlu mengambil kira kepentingan emosi ahli keluarga untuk menerima hakikat kematian orang tersayang dan perlu diberi pertimbangan bagi keluarga terdekat untuk meluangkan masa bersama pesakit di saat-saat akhir sebelum menemui ajal. Secara tidak langsung, ia dapat membantu mereka membuat keputusan untuk menderma organ orang tersayang kepada mereka yang memerlukan.

Menurut Pengurus Klinikal, Pusat Sumber Transplan Kebangsaan (PSTK), Dr. Diana Mohd Shah, dalam kesedihan kerana kehilangan orang disayangi, masih ada ahli keluarga berhati mulia mendermakan organ orang yang disayangi sebagai 'penghargaan' terakhir untuk si mati.

Kedua ialah faktor logistik proses pendermaan organ dan transplan iaitu pihak berkenaan perlu memastikan agar ujian SARS-COV 2 PCR dilakukan dengan teliti untuk mengelakkan sebarang risiko dan ketidakpastian supaya tidak mendatangkan mudarat khususnya kepada penerima organ.

Ketiga, ialah dari segi proses perolehan organ tersebut. Ini harus dipastikan agar tidak mendatangkan bahaya kepada penerima organ, sungguhpun proses pemindahan organ dilakukan oleh doktor pakar yang berpengalaman.

Penutup

Maka, dalam keadaan pandemik COVID-19 yang masih terkawal di negara ini, kakitangan yang terlibat dalam pemerolehan organ dan transplan serta masyarakat umumnya perlu memastikan proses pendermaan organ tetap berjalan lancar. Dalam masa yang sama, kita perlu mengambil kira prosedur yang sewajarnya untuk memastikan keselamatan semua pihak khususnya penerima organ. Kita tidak boleh alpa dan melupakan penderitaan fizikal dan emosi pesakit-pesakit yang sedang menunggu dengan penuh harapan untuk mendapatkan hati, organ atau tisu demi meneruskan perjuangan kehidupan mereka di bumi ini. Kemungkinan ada pihak yang mengatakan bahawa fokus harus ditumpukan kepada usaha memerangi COVID-19. Namun, kita tidak harus melupakan jumlah 5,027 orang pesakit yang masih menunggu organ untuk terus hidup.

BIBLIOGRAFI

- Halina Mohd Noor. (2016). ‘*Derma organ si mati, umpama memberi nyawa baharu*’. 5 November 2016. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/11/209419/derma-organ-si-mati-umpama-memberi-nyawa-baharu>.
- Ministry of Health (MOH) Singapore Advisory. (2020). *Updated Advisory on Health Measures for Organ and Tissue Recovery and Transplantation: COVID-19 Dorscon Orange*.
- Pusat Sumber Transplan Nasional. (2021). *Statistik Pendermaan Organ sehingga Mac 2021*, <https://www.dermaorgan.gov.my/>.
- Teo, J. (2020). *Organ transplant, donations hit by Covid-19*, 7 Jun 2020. <https://www.straitstimes.com/singapore/health/organ-transplants-donations-hit-by-covid-19>.
- Ting J, Wong YL. (2020). *Challenges in Organ Donation during COVID-19 Pandemic: A Singapore Perspective*. Int J Transplant Res Med 6:053. doi.org/10.23937/2572-4045.1510053.

WUJUDKAN PERSEKITARAN POSITIF UNTUK KEKAL RELEVAN DALAM ERA PANDEMIK

Oleh:



Dr. Kartini Kamaruzzaman

kartinkamaruzzaman@usim.edu.my

Penulis adalah pensyarah kanan, program Komunikasi Media Baharu, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP). Beliau mendapat pendidikan doktor falsafah di University of Leicester, United Kingdom (UK) dalam jurusan Media, Komunikasi dan Sosiologi. Minat kajian beliau adalah media digital, Islam dan media baharu, tindakan dan identiti kolektif dan pergerakan sosial.

ABSTRACT

The effects of the Covid-19 situation have led to excessive information sharing particularly with the availability of digital and social media. Although such platforms provide opportunities for users to give their voice and opinion as well as to obtain and deliver messages, it indirectly contributes to negative environment and impact such as panic, stress and confusion in society. In addition to highlighting on Islamic perspectives, this article discusses how society could stay proactive and relevant in the Covid-19 pandemic era.

Pengenalan

Saban hari kita dimaklumkan dengan jumlah kematian, peningkatan kes positif jangkitan penyakit coronavirus serta pelbagai informasi terkini berkaitan perintah kawalan pergerakan yang sentiasa dikemaskini. Maklumat tersebut tidak hanya disampaikan dan dicapai menerusi radio, akhbar dan televisyen, malah kesan dari situasi Covid-19 menyebabkan perkongsian maklumat yang berlebihan terutama dengan adanya media sosial. Sungguhpun medium tersebut memberi ruang dan peluang kepada pengguna untuk mendapatkan dan menyampaikan mesej, secara tidak langsung ia menyumbang kepada persekitaran yang negatif seperti panik, stress dan kecelaruan dalam kalangan masyarakat.

Persekitaran Positif, Sikap Positif dan Sebar Mesej Positif

World Health Organization turut berpendapat bahawa Covid-19 menyebabkan terjadinya infodemik yang mengganggu produktiviti dan tingkah laku individu dan akhirnya memburukkan lagi situasi semasa. Infodemik boleh ditakrifkan sebagai maklumat yang

berlebihan (sama ada sahih atau tidak) yang menjadikan seseorang sukar untuk mencari atau bergantung pada sumber yang boleh dipercayai. Maklumat yang berlebihan dan dalam pelbagai format atau bentuk seperti teks, video dan gambar serta sumber yang dimanipulasi sudah semestinya menyumbang kepada infodemik.

Tambahan pula, pengguna media sosial yang terdedah dengan maklumat yang salah atau palsu boleh menyebabkan tindak balas yang negatif seperti menyebarkan maklumat yang tidak sah kepada orang lain. Ia kemudian mencetuskan rantaian sosial yang bersikap cemas atau panik. Hal ini juga menunjukkan sekiranya persekitaran negatif terjadi dan dialami dalam jangka masa panjang, ia memberi kesan yang tidak baik kepada akal fikiran, sikap, kesihatan fizikal dan mental seseorang. Malah, dengan penggunaan media baharu dan media digital, sudah tentu situasi tersebut sukar dibendung.

Sebagai seorang Muslim dan juga rakyat Malaysia, tanggungjawab ini bukan sahaja perlu dilaksanakan untuk menjaga suasana yang baik dengan ahli keluarga terdekat, bahkan sesama masyarakat yang berbilang bangsa. Dalam erti kata lain, selain berhati-hati dalam menerima dan menyampaikan maklumat, bersikap positif juga bermaksud usaha seorang Muslim untuk sentiasa bersangka baik terhadap Allah meskipun dalam situasi kita dilanda ujian pandemik ini. Dalam sebuah hadith Riwayat Baihaqi, Nabi SAW bersabda: "Bersangka baik kepada Allah adalah berlepas daripada segala hal kecuali Allah SWT." Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab bersama untuk kita semua wujudkan persekitaran yang positif ketika menghadapi masa-masa sukar, terutamanya untuk meneruskan kehidupan dalam era pandemik ini.

Persekitaran negatif perlu diseimbangkan dengan mewujudkan suasana yang positif. Justeru itu, antara kaedah yang boleh dilaksanakan oleh individu adalah menggunakan media sosial dengan sebaiknya untuk memberi mesej positif seperti menyatakan doa, sokongan dan dorongan serta menyampaikan idea atau maklum balas membina. Dalam satu penulisan, Dr. Sarah Lowe, yang merupakan psikologi klinikal dan profesor di Jabatan Sains Sosial dan Tingkah Laku di *Yale School of Public Health* memberikan pandangan tentang bagaimana masyarakat dapat mengatasi cabaran infodemik yang disebabkan oleh pandemik Covid-19. Menurut beliau, setiap individu disarankan untuk mengehadkan penggunaan media digital dan media sosial, sebagai contoh dengan menggunakan aplikasi 'screen time' atau paparan masa bagi membolehkan pengurusan masa yang lebih baik. Selain itu, apabila melayari internet, pengguna juga dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat dari sumber yang dipercayai bagi mengelakkan kecelaruan maklumat.

Media sosial juga seharusnya dimanfaatkan sebaiknya agar menjadi saluran dalam kalangan pengguna untuk terus berhubung di saat ada ahli keluarga, saudara atau rakan

taulan yang terisolasi. Hal ini penting untuk masyarakat memberikan sokongan moral dan emosional di samping mengeratkan hubungan. Sungguhpun usaha tersebut nampak kecil, namun apabila ia dilaksanakan secara berterusan, masyarakat dapat terus kekal tenang dan relevan menghadapi krisis Covid-19.

Penutup

Usaha untuk kekal relevan dalam era pandemik tidak mungkin dapat dicapai sekiranya persekitaran dan fikiran kita dikuasai elemen-elemen negatif. Ia bukan sahaja akan mengganggu fikiran, bahkan akan memberi impak yang tidak sihat terhadap emosi seseorang. Justeru, nilai-nilai positif perlu diterapkan dan persekitaran yang positif perlu dibentuk sama ada secara fizikal mahupun di dalam talian supaya kita dapat menghadapi hari mendatang dengan tenang, harmoni dan terkawal. Secara tidak langsung, kaedah ini membantu untuk memperkasakan masyarakat agar dapat bertindak lebih proaktif.

BIBLIOGRAFI

- Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, (2019). *Berbaik Sangka Dengan Allah*. <https://www.muftins.gov.my/v1/en/2019/06/24/berbaik-sangka-dengan-allah/> (Akses 1 April 2021)
- The Malay Mail, (2021). *Using Social Media Could Help Seniors Feel Less Isolated But How It's Used Matters*. <https://www.malaymail.com/amp/news/life/2021/01/28/using-social-media-could-help-seniors-feel-less-isolated-but-how-its-used-m/1944746> (Akses 30 Mac 2021)
- Dignan, C. (2020). *Social Media Can Be A Plus During Coronavirus Pandemic If Used Carefully*. <https://www.thestar.com.my/tech/tech-news/2020/04/13/social-media-can-be-a-plus-during-coronavirus-pandemic-if-used-carefully> (Akses 30 Mac 2021)
- Susumu Cato, Takashi Iida, Kenji Ishida, Asei Ito, Hiroto Katsumata, Kenneth Mori McElwain and, Masahiro Shoji. 2021. The Bright and Dark Sides of Social Media Usage During the Covid-19 Pandemic: Survey Evidence From Japan. International Journal of Disaster Risk Reduction. Vol. 54, pp. 1-7. <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S2212420920315363> (Akses 30 Mac 2021)
- World Health Organization. *Infodemic* https://www.who.int/health-topics/infodemic#tab=tab_1 (Akses 1 April 2021)

KEMPEN KERAJAAN DALAM MENENTANG COVID-19 DI MALAYSIA

Oleh:



Muhamad Zaki Mustafa

zaki@usim.edu.my

Penulis ialah pensyarah Program Komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kepakaran beliau adalah dalam bidang perhubungan awam, komunikasi, dakwah dan media baharu. Setakat ini telah menghasilkan penerbitan termasuk buku akademik, bab dalam buku, prosiding akademik dan artikel dalam jurnal berwasit/berimpak.

ABSTRACT

This article focuses on Malaysian government campaign to fight the COVID-19 pandemic. In this article, the author will highlight what is the campaign and how it is done in Malaysia. Focus of this article is to highlight main campaigns in the mass media and how Malaysians can help and cooperate together to fight this pandemic.

Pengenalan

Perkembangan teknologi maklumat yang pesat mendorong perubahan dalam pelbagai bidang, termasuk dalam komunikasi. Strategi komunikasi juga telah berkembang dengan memanfaatkan media yang muncul dari perkembangan teknologi. Kerajaan yang berminat berkomunikasi dengan masyarakat perlu menyesuaikan strategi komunikasinya dalam bentuk kegiatan sehingga pesanan dapat difahami oleh masyarakat yang lebih luas, salah satunya menyesuaikan diri dengan khalayak sebagai penerima maklumat/mesej. Di samping itu, kerajaan juga harus bijak menguruskan pesanan komunikasi penting untuk merapatkan kepentingan masyarakat. Untuk bertindak balas terhadap perkembangan media semasa, pemerintah juga harus menyesuaikan diri dengan apa yang berlaku di masyarakat. Kerajaan juga boleh menggunakan media sosial untuk kepentingan kempennya sehingga pelbagai program dan aktiviti yang akan, sedang dan telah dijalankan dapat menjangkau masyarakat.

Definasi kempen dan aktiviti kempen di Malaysia

Menurut Mohd. Hamdan yang dipetik dalam buku *Strategi Perhubungan Awam di Malaysia* yang terbit pada 2021, pengamal perhubungan awam mestilah pintar berhubung dengan setiap masyarakat sasaran atau masyarakat yang bermanfaat. Masyarakat sasaran adalah masyarakat yang dipilih untuk menjadi tumpuan kempen komunikasi pengamal perhubungan awam. Mesej perhubungan awam dicipta agar disampaikan dengan berkesan kepada masyarakat sasaran yang berkenaan. Pemilihan media oleh pengamal perhubungan awam juga berasaskan media yang diminati masyarakat sasaran. Masyarakat bermanfaat pula adalah juga masyarakat sasaran. Perbezaannya adalah masyarakat bermanfaat mendapat faedah tertentu daripada apa yang disampaikan oleh organisasi, manakala masyarakat sasaran mungkin hanya menerima informasi atau hiburan sahaja. Oleh itu, mengenali setiap masyarakat sasaran atau masyarakat manfaat dengan mendalam barulah pengamal perhubungan awam berjaya dalam apa jua kempen penerangan atau pemujukannya. Hasilnya akan berjaya memupuk perasaan muhibah dan perpaduan antara organisasi dengan masyarakatnya.

Di Malaysia secara amnya terdapat pelbagai kempen dijalankan di media utama seperti televisyen, surat khabar dan radio selain kempen yang dijalankan di media sosial. Antara yang terbaharu mendapat liputan Sinar Harian bertarikh 25 April 2021 dengan tajuk *Kementerian Perpaduan Negara (KPN) memperluaskan kempen daftar vaksin kepada komuniti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sepanjang Ramadan bagi membantu pendaftaran penerimaan vaksin Covid-19 rakyat Malaysia*. Kempen-kempen seperti daftar vaksinasi dan juga pencegahan dan kesedaran Covid-19 juga sering dipaparkan dikaca televisyen 24 jam sehari. Selain itu kempen di media sosial juga sentiasa dijalankan di Youtube, Facebook, Instagram dan lain-lain. Antara kempen di media sosial adalah *Elakkan 3C, Amalkan 3W* di Youtube yang mendapat tontonan 82,000 orang oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Selain itu di Facebook KKM juga melancarkan kempen *Daftar Vaksin Sekarang dan Kapsul KKM* yang diterbitkan oleh Unit Komunikasi Korporat KKM untuk memberi penerangan Covid-19 kepada rakyat Malaysia.

Penutup

Kempen merupakan elemen penting komunikasi dalam memberi kesedaran kepada umum, namun kempen semata-mata tidak cukup dalam memberi kesedaran kepada masyarakat. Kerajaan telah melakukan yang terbaik dalam menjalankan kempen ini namun terpulanglah kepada masyarakat untuk mengikutinya. Dalam al-Quran ada menyebut bahawa "Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah

keadaan yang ada pada diri mereka sendiri." (Surah Ar-Ra'd, ayat 11). Tanda pagar # Kita jaga Kita.

BIBLIOGRAFI

- Daftar Vaksin Sekarang* (n.d.). In Facebook [Kementerian Kesihatan Malaysia]. Retrieved 3 June, 2021, from https://www.facebook.com/kementerian_kesihatan_malaysia
- Mergel, I., & Bretschneider, S. I. (2013). A Three-Stage Adoption Process for Social Media Use in Government. *Public Administration Review*.
- Mohd Yahya Mohd Ariffin, Muhamad Zaki Mustafa & Mohd Faizal Kasmani. 2021. *Strategi Perhubungan Awam di Malaysia*. Penerbit USIM.
- Sinar Harian, (2021), KPN-perluas-kempen-daftar-vaksin-kepada-komuniti-KRT. Diakses pada 27 April 2021, <https://www.sinarharian.com.my/article/135373/KHAS/Covid-19/>

PILIH BAHAGIA SEMASA PANDEMIK COVID-19

Oleh:



Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz

rashid@usim.edu.my

Abdul Rashid Abdul Aziz berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kepakaran beliau adalah dalam bidang kaunseling, psikologi positif, kesejahteraan & kesihatan mental. Beliau telah menghasilkan pelbagai penulisan termasuklah artikel dalam jurnal berwasit, prosiding akademik, buku akademik, bab dalam buku dan lain-lain.

ABSTRACT

This article aims to discover the new way of thinking to gain happiness in life. In fact, this paper also aims to explore the cognitive function to attain happiness despite of pandemic COVID-19.

Pengenalan

Pandemik COVID-19 yang menyerang Malaysia dan seluruh dunia adalah krisis kesihatan terbesar yang belum bertemu kesudahannya meskipun solusi pemberian vaksin kepada rakyat Malaysia giat dijalankan. Sehingga pertengahan April 2021, data dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia menunjukkan jumlah kes jangkitan COVID-19 adalah sebanyak 140, 886 773, manakala jumlah kematian direkodkan melebihi 3 juta orang. Angka ini bukan nilai yang boleh dipandang enteng kerana ia melibatkan korban nyawa yang besar. Bahkan ia meragut kebahagiaan yang dikehendaki masyarakat sedunia. Malaysia tidak terkecuali apabila rakyat dilihat tidak lagi bahagia seperti dahulu berdasarkan kedudukan Malaysia yang telah jatuh 47 anak tangga daripada kedudukan ke-35 pada 2018 kepada kedudukan ke-82 dalam Indeks Kebahagiaan Dunia pada tahun 2020 selepas wabak COVID-19 ‘menjajah’ hampir setiap pelusuk negara. Susulan pandemik COVID-19 ini juga, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dan ini memburukkan keadaan. Kini, sudah tiba masanya untuk setiap individu mengambil hikmah dari musibah yang berlaku ini sebagai satu anjakan untuk berhijrah kepada cara hidup baharu seperitimana yang digariskan dalam Islam bahawa sesuatu bencana atau

musibah yang berlaku adalah sebagai satu peringatan penting dari Allah SWT buat hamba-Nya di muka bumi ini.

Kebanyakan manusia dilihat hanya tertumpu kepada mengejar material dan arus kemodenan hingga sering mengabaikan keperluan aspek kebahagiaan hidup. Keadaan ini sekali gus memberi pelbagai impak kepada status kehidupan manusia melalui desakan taraf hidup yang tinggi serta cara dan gaya hidup moden yang penuh dengan tekanan. Seorang profesor dalam bidang psikologi politik iaitu Robert Lane dalam penulisan bukunya bertajuk *The loss of happiness in advanced market society* menyatakan bahawa;

"The pressures to maintain material consumption will keep people away from intrinsically more satisfying activities, in particular from spending time with friends and relatives"

Petikan tersebut menunjukkan bahawa kepesatan manusia mengejar pembangunan material dan fizikal telah menyebabkan manusia kehilangan aktiviti yang dapat memberi kepuasan peribadi seperti meluangkan masa bersama kawan-kawan dan ahli keluarga. Oleh yang demikian, kawalan pergerakan yang dijalankan semasa pandemik COVID-19 perlu dijadikan sebagai agenda utama bagi setiap individu dan institusi kekeluargaan untuk meluangkan masa, menghargai dan menjalankan aktiviti bersama bagi merapatkan lagi hubungan dan saling melengkapi ke arah kebahagian hidup.

Pemikiran Memacu Kebahagiaan

Pemikiran manusia seringkali dilabelkan sebagai raja yang berkuasa dalam mengawal setiap urusan. Menurut takrif kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, pemikiran optimis bermaksud selalu mempunyai harapan, penilaian dan fikiran yang baik dalam menghadapi sesuatu perkara. Dari perspektif Islam, memelihara akal fikiran adalah salah satu tuntutan dalam Maqasid Shariah iaitu aspek pemikiran yang baik dapat mempengaruhi kebahagiaan hidup seseorang. Mental yang sihat juga dapat meningkatkan kebahagiaan melalui aktiviti *ruhiyyah* (spiritual). Malah ia dapat mengubati gangguan jiwa, tekanan, meningkatkan ketenangan hati dan lain-lain yang berkait dengan kesihatan mental. Oleh yang demikian, seseorang itu mampu untuk meraih kebahagiaan buat dirinya hasil daripada minda yang sihat serta jiwa yang tenang. Islam juga menyarankan penganutnya untuk berdaya dalam improvisasi diri dan cara berfikir dengan baik sesuai dengan firman Allah dalam surah ar-Rad ayat 11 yang bermaksud;

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa yang ada pada diri mereka".

Justeru, optimis adalah satu angkubah dalam diri seseorang yang mencerminkan sejauh mana individu itu berfikir tentang hal dan perkara yang baik. Dalam tempoh fasa kawalan pergerakan ini, individu hendaklah sentiasa membuat perubahan diri dengan memikirkan perkara yang baik sebagai langkah membentuk minda optimis untuk merasa lebih bahagia. Ia boleh dilakukan dengan cara ‘menyuntik pemikiran’ dalam minda seperti;

- COVID-19 wabak yang boleh dipulihkan sekiranya patuh kepada arahan dan tempoh PKP adalah baik untuk menghindar diri dan masyarakat dari jangkitan wabak (berfikiran positif).
- Tempoh PKP adalah masa yang sesuai untuk aktiviti kekeluargaan dan fasa ‘bonding’ bersama ahli keluarga.
- Berfikir tentang aspek ‘hikmah’ kepada diri, keluarga dan norma baharu yang dijalani ekoran daripada wabak. Misalnya aspek ‘kebersihan’ menjadi amalan utama dan cara hidup.

Selain itu, setiap individu berupaya menjana pemikiran mereka dengan mengimbaskan kenangan, memberi perhatian dan menghargai apa sahaja pengalaman yang sedang dan telah dilalui sebelum ini kerana ia boleh mencipta lebih banyak emosi positif dan mengurangkan tekanan semasa dalam diri yang akhirnya membawa kepada rasa bahagia. Beberapa cara boleh dilakukan semasa tempoh kawalan pergerakan berlangsung seperti;

- Mengingati kembali detik indah dan menyeronokkan yang pernah dilalui (*savor life joy*)
- Melihat kembali album gambar keluarga atau menonton rakaman video keluarga
- Berkongsi cerita, detik dan memori indah bersama orang tersayang (secara verbal)

Bahagia juga boleh dirasakan sekiranya setiap individu yang sedang bergelut dengan pandemik COVID-19 mengawal diri dan daya tindak bagi mengurangkan rasa kesakitan, derita dan tekanan yang disebabkan oleh pandemik. Ia akan menjadi pencetus kepada perubahan tingkah laku yang lebih baik untuk mencapai matlamat yang diingini. Oleh itu, antara strategi yang boleh dibuat ialah;

- Pengurusan masa (membuat jadual harian dirumah untuk pengurusan diri, kerja dan keluarga)
- Pelan tindakan kecemasan dan kontigensi barang dan keperluan asas
- Sediakan ruang untuk relaksasi diri dan minda
- Lakukan kerja kreatif misalnya permainan, teka-teki, melaksanakan hobi dirumah, meneroka hobi baru untuk mengisi masa seperti membaca, menjahit, menonton, muzik dan lain-lain lagi.

Penutup

Kehidupan manusia nyatanya tidak sama lagi seperti dahulu. Penularan wabak yang membadi tanpa henti menyebabkan pergerakan manusia terbatas. Senario ini membawa kepada pelbagai masalah seperti tekanan, kebimbangan dan masalah psikologi yang lain sehingga menjaskan kebahagiaan diri. Justeru, aspek kognitif merupakan elemen penting dalam mendepani masalah yang timbul. Ini kerana, manusia menggunakan pemikiran mereka setiap hari dan elemen pemikiran ini juga dapat menentukan apa yang dirasa dan dilakukan oleh seseorang. Sekiranya pilihan bahagia ingin dikecapi, maka aspek pemikiran yang mencetuskan rasa bahagia hendaklah dipupuk secara optimum.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz, A.R., Sukor, N.M., & Ab Razak, N.H. (2020). Wabak COVID-19: Pengurusan Aspek Kesihatan Mental Semasa Norma Baharu. *International Journal of Social Science Research*, 2 (4), 156-174.
- Abdul Aziz, A.R., Shafie, A.A.H., Ali, Z. & Dzainal, N.D.S. (2020). Pengamalan Nilai Agama dalam Mengatasi Kemurungan Semasa Pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5 (12), 311-44. Doi: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.593>.
- Abdul Aziz, A.R., Shafie, A.A. H., Mohd Soffian Lee, U.H. & Raja Ashaari, R.N.S. (2020). Strategi Pembangunan Aspek Kesejahteraan Kendiri bagi Mendepani Tekanan Akademik Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5 (12), 16-30. Doi: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.594>.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. (n.d.). Dicapai pada 1 April 2021 daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kamus%20online>
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia-World Health Organization. (2020). Capaian pada 18 April 2021 di <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019>

MASA DEPAN PELAJAR AKIBAT PENUTUPAN SEKOLAH DI MUSIM COVID-19

Oleh:



Dr. Zalika binti Adam

zalika@usim.edu.my

Penulis ialah Zalika binti Adam. Beliau berkhidmat sebagai pensyarah kanan Program Bahasa Arab dan Komunikasi, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Bidang kepakaran beliau ialah Linguistik Terapan (Bahasa Arab untuk Tujuan Pelancongan/ASP) dan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Turut berpengalaman dalam menghasilkan anekdot, puisi dan penulisan popular.

ABSTRACT

This paper explores the impact of the COVID-19 outbreak on individual psychological issues among students at schools. This article shows the potential growths and challenges of implementing e-learning in schools. The effectiveness of e-learning methods for teachers and students from the closure of schools is the preliminary result of this undergoing study.

Pengenalan

Semenjak penyebaran wabak COVID-19 yang bermula di Wuhan China, banyak berlaku perubahan di dunia secara amnya dan di Malaysia secara khususnya dalam bidang ekonomi, politik, pendidikan dan sosial. Perubahan turut berlaku dalam kehidupan seharian manusia yang memberi kesan terhadap kerohanian dan kebendaan. Penularan COVID-19 menyebabkan peningkatan kes positif dan ramai yang meninggal dunia. Sebahagian daripada mereka juga berdepan dengan masalah tekanan, cemas dan takut akibat wabak ini.

Turut berlaku perubahan dalam metodologi pengajaran dan pembelajaran. Para pelajar diberi pendedahan pembelajaran dalam talian. Walau bagaimanapun masih ramai pelajar yang berada di pedalaman berdepan dengan masalah capaian Internet. Golongan B40 terutamanya tidak mampu membeli telefon pintar terutamanya bagi keluarga besar. Pembelajaran yang dijalankan secara serentak mengikut jadual waktu sekolah terganggu kerana perbezaan latar belakang pelajar.

Kesan Terhadap Penutupan Sekolah

Bagi pelajar yang baharu sahaja melangkah ke darjah satu atau pra-sekolah berhadapan dengan masalah pembelajaran dalam talian akibat penutupan sekolah. Tidak ketinggalan bagi mahasiswa di tahun pertama pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Kanak-kanak yang masih belum mengenal dan menyebut huruf dengan baik adalah antara mereka yang banyak berhadapan dengan masalah pembelajaran.

Namun, bukan semua subjek sesuai dijalankan melalui kaedah pembelajaran secara dalam talian. Bagi pelajar yang masih belum menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira), mereka tergolong dalam kumpulan yang amat bermasalah ketika Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dijalankan.

Kita faham bahawa penutupan sekolah adalah untuk mengurangkan penularan wabak berlaku. Namun, tidak dinafikan, penutupan sekolah juga memberi kesan negatif kepada pelajar terutama yang berada di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, pelajar diberikan kebenaran untuk ke sekolah dengan Tatacara Operasi Standard (*Standard Operating Procedure-SOP*) yang ketat setelah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengeluarkan arahan penggiliran belajar dan sebagainya.

Apa yang merungsingkan ialah asas pembelajaran yang belum mantap akan menyebabkan kerencatan pembelajaran kanak-kanak yang berada di peringkat awal persekolahan. Amat menyediakan kerana terdapat pelajar yang tidak mampu memiliki *telefon pintar* atau *tablet* bagi memudahkan kelangsungan PdP. Golongan ini akan terus ketinggalan jika terus terhimpit dalam keadaan ini.

Impak negatif pendemik juga menyebabkan pelajar ketinggalan *lost generation*, sekiranya penutupan sekolah secara berterusan. Seterusnya, pembelajaran bersemuka digantikan dengan pembelajaran dalam talian yang menyebabkan kegusaran dalam kalangan ibu bapa. Adakah dengan mengikuti pembelajaran dalam talian setara dengan mengikuti PdP di dalam kelas? Ini antara persoalan yang timbul di benak ibu bapa terus menjadi tanda tanya tanpa jawapan yang meyakinkan. Selain itu, pelbagai isu timbul kesan daripada pembelajaran dalam talian seperti:

- Pelajar tidak mempunyai akses Internet.
- Pelajar tiada peranti untuk belajar.
- Kesukaran ibu bapa dan guru untuk memantau prestasi pelajar.
- Proses pembelajaran dua hala tidak dapat dijalankan dengan baik.

Pepatah Arab ada mengatakan: “Pembelajaran semasa kecil ibarat memahat pada batu”. Ini bermaksud, apabila pendidikan tidak dapat diasah dengan berkesan seawal usia, boleh menyebabkan pelajar keciciran dalam pelajaran. Terdapat juga dalam kalangan pelajar yang mempunyai akses Internet, tetapi tidak menggunakaninya dengan bijaksana dan mengambil peluang dengan menonton video yang melalaikan. Selain itu, gangguan permainan game seperti *Mobile Legend* dan *Pub-G* menyebabkan pelajar hanyut dalam permainan yang tiada kawalan, ketika pembelajaran di rumah dilaksanakan.

Walaupun pihak guru memberikan tugas kepada pelajar secara dalam talian, namun hanya segelintar pelajar sahaja yang dapat menumpukan perhatian dalam pembelajaran. Sebahagian yang lain mungkin disebabkan isu yang telah disebutkan tadi.

Penutup

Oleh itu, dengan penutupan sekolah, setiap pihak sama ada ibu bapa dan pihak sekolah perlu bekerjasama dan mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan para pelajar dapat mengikuti PdP dalam talian dengan baik. Seterusnya, ibu bapa juga perlu bertanya dan berkomunikasi dengan guru sekiranya anak-anak berhadapan dengan masalah pembelajaran. Kita yakin, usaha seperti ini dan pemantauan berterusan akan dapat mempertingkat mutu pembelajaran pelajar.

BIBLIOGRAFI

- Ehwan Ngadi. (2020). COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian. *E-Risalah USIM*. dari <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>. Akses 2 Disember 2020.
- Hill, K & Fitzgerald, R. (2020). Student Perspectives on The Impact Of COVID-19 On Learning. *AISHE-J*, 12 (2), 1-9.
- BH Online (Januari 20, 2021) *Tutup sekolah kerana COVID-19 hanya sebagai langkah terakhir – WHO* dari <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2021/01/778283/tutup-sekolah-kerana-covid-19-hanya-sebagai-langkah-terakhir-who> Akses 26 April 2021.
- Mohd Faeiz Pauzi Etl. (2020). Covid-19: Pengajaran Dan Pembelajaran Sewaktu Krisis Pandemik. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan* Jilid Iii, 2020 (Iissn 2636-9885) 96.
- Shivangi, D. (2020). Online Learning: A Panacea in the Time of COVID-19 Crisis. *Journal of Educational Technology Systems* 2020, 49(1), 5–22.

SHARE RELEVANT INFORMATION ONLY: MUSLIMS MUST AVOID INVOLVING IN PROLONGED SLANDER OF DEFAMATION

By:



Dr. Siti Suriani Othman
suriani@usim.edu.my / sssuriani3979@gmail.com

Author is a senior lecturer at the Communication Program, Faculty of Leadership and Management (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). She holds a Ph.D in journalism from Nottingham Trent University, UK. Her research interest is in Malaysian journalism (print and online). She is a writer and has written more than 250 feature stories for local and international media and has published 11 single-authored books.

ABSTRACT

Muslims are among the highest online users in the world. However, we must also be extra careful in offering information to others especially in the time of the pandemic. Muslims are reminded to always choose relevant information to share to avoid harmful communication and not to get caught up in the sin of prolonged slander.

Introduction

We all understood the importance of communicating relevant messages to ensure the effectiveness of communication and achieve the desired goals. Yet, in this era of the pandemic, making sure true and relevant information is shared is far more important than ever before.

A study by Cristina Mesa Vieira of the University of Bern, Switzerland, and colleagues in 2020 concluded that miscommunication, social isolation, and poorer socioeconomic status can impair the wellbeing of vulnerable groups. In this regard, I argue that these three factors may not only adversely affect vulnerable groups such as indigenous, prison, and homeless populations; migrants, the elderly, people with disabilities, and healthcare workers, but also the general public because of the long-anticipated pandemic period and tracking everyone, as well as the increasing miscommunication around the world, especially in the era of crisis.

The Importance of Relevant Communication

Why do we need to ensure that relevant messages are shared especially in an era of crisis like today? Generally, we want to ensure that there is no misunderstanding of the message that could bring danger to society. Messages about the need for vaccines, for example, need to be accurate as misinformation about this relevant information may provoke panic and fear among citizens. Miscommunication will then lead to failed communication that can cause stress to members of the community which can eventually have adverse effects on the mental, not to mention many who are already distressed by the effects of this pandemic.

Second, in Islam, it turns out that ensuring a relevant message is very important to avoid harmful slander. Defamation can occur because of ineffective communication, whether intentionally or unintentionally. However, defamation that results from deliberate communication is something that can be avoided and must be avoided. If done too, this is sinful in the eyes of Islam.

The easiest platform to spread irrelevant information is social media. A study published in the Journal of Medical Internet Research showed that social media did indeed have a significant impact in spreading fear and panic related to the COVID-19 pandemic with Facebook as the primary medium. This study also showed that 18-25-year-olds have psychological anxiety problems as a result of frightening communication in this era of crisis.

Related to this, we are aware that Muslims do devote a lot of time to online activities, according to Professor Gary Bunt author of the book Virtually Islamic and Islam in the Digital Age. According to Bunt, this even makes a blurred boundary between real physical activity and online activity.

Thus, it becomes so pertinent that we remind each other to check the authenticity and even the relevancy of the information received before sharing it with others:

“O you who believe, if a wicked person comes to you with news, then investigate (to determine) the truth, so that you do not inflict on a people something undesirable because of your ignorance (about it) so that you regret what you have done” (Al-Hujurat: 6).

Closing

With this reminder, Muslims should be the most careful group in selecting accurate and relevant information before sharing it. It's awful when we realize that the existence of online messaging is almost permanent and if the information shared is harmful, then it definitely becomes a lasting sin that we carry forever.

BIBLIOGRAPHY

- Ahmad, A. R. & Murad, H. R., (2020). The Impact of Social Media on Panic During the COVID-19 Pandemic in Iraqi Kurdistan: Online Questionnaire Study. *Journal of Medical Internet Research*. 2020 May; 22(5): e19556. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC7238863/>
- Nor Hartini Saari, (2016). *Waspada Viral Yang Mengundang Fitnah Dan Dosa*, Utusan Malaysia, <http://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2016/01/26/waspada-viral-yang-mengundang-fitnah-dan-dosa/>
- Scott, E. (2020). *How Poor Communication Causes Stress*, Very Well Mind: <https://www.verywellmind.com/the-stress-of-poor-communication-with-others-4154175>
- Viera, C. M., Oscar H. Franco, Carlos Gómez Restrepo, Thomas Abel. (2020). COVID-19: The forgotten priorities of the pandemic, *Maturitas*. Vol. 136, pp. 38-41, <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0378512220302346#>

FAKE NEWS IN FREE SPEECH AND HATE SPEECH

By:



Dr. Safiyyah Ahmad Sabri

safiyyah@usim.edu.my

Dr. Safiyyah Ahmad Sabri is a Senior Lecturer of Mass Communication Programme in Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). With Journalism background, she shares interests in fake news, Islamic reporting, race and religion, plural society, freedom of speech and expression.

ABSTRACT

The potential harm of fake news should not be taken lightly especially in a multiracial country like Malaysia. Either it is done intentionally or not, the freedom of speech has been used as advantage in spreading such news. Taking two cases as examples, this article offers a view of how fake news could be classified under free speech and hate speech.

Introduction

